

# Selesai segera *isu hak pengurusan*

MBPJ, KPKT perlu semuka supaya masalah tidak berlarutan dan susahkan penduduk

MUHAMMAD FAIZ SULONG

SHAHALAM - Persatuan Penduduk PPR Lembah Subang 1 menggesa isu hak pengurusan di perumahan berkenaan dapat diselesaikan oleh semua pihak yang terlibat dengan segera.

Pengerusi Persatuan Penduduk Blok A, B dan C, Aziz Hashim berkata, perebutan hak pengurusan antara kerajaan negeri melalui Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ketika ini dilihat semakin rumit dan menyebabkan keharmonian penduduk terganggu.

Katanya, setakat ini pendirian pihak persatuan beranggapan PPR Lembah Subang 1 di bawah pengurusan MBPJ berbanding kepada perjanjian secara rasmi.

"Kita tidak mahu isu ini jadi alat untuk kepentingan politik mana-mana pihak kerana akhimya nanti penduduk jadi mangsa.



Persatuan Penduduk PPR Lembah Subang 1 mahu isu pengurusan diselesaikan dengan jelas melalui saluran yang sah.

"Situasi sekarang ini menimbulkan semakin banyak kekeliruan yang akhirnya sebabkan penduduk tersepit antara dua badan pengurusan dan pecahan perpaduan," katanya.

Menurutnya, KPKT seharusnya bersemuka dengan MBPJ dan menyelesaikan isu hak pengurusan

secara rasmi dahulu agar penduduk jelas dan tidak merumitkan keadaan.

"Kita juga tidak pernah dihubungi atau diajak bersemuka dengan KPKT sedangkan kami merupakan persatuan penduduk yang sah berdaftar.

"Setakat ini, kami berpendirian MBPJ merupakan badan pengurusan yang sah berdasarkan perjanjian-

an dan dokumen rasmi terdahulu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Seorang penghuni, Mohd Syaifulah Saad, 37, berkata banyak kekeliruan juga timbul dalam situasi ini termasuk soal pembayaran sewa kepada MBPJ atau badan pengurusan lantikan KPKT.

"Malah butir dokumen dan resit pembayaran oleh pengurusan KPKT juga meragukan, malah

wang pos juga perlu dibayar atas orang perseorangan.

"Penduduk juga menerima mesej daripada pihak pengurusan KPKT supaya bayar pada mereka dan jika tidak rumah akan dikosongkan," katanya.

Faizal Mat Yusof, 31, pula turut mempersoalkan kemudahan tadika di situ yang beroperasi walaupun dikatakan belum mendapat sijil kelulusan keselamatan.

"Difahamkan belum ada sijil selamat menduduki, jadi macam mana boleh operasi dan soal keselamatan kanak-kanak...malah kalau dilihat kepada sambungan elektrik dan punca air pun kita boleh nampak tak sah.

"Kita tak ada masalah siapa yang mengurus asalkan secara sah, penduduk pun jelas dan tak jadi mangsa.

"Bersemukalah ikut saluran betul dan sah, jangan terjah saja...kita bukan alat politik mana-mana pihak, persatuan penduduk juga sedia bersemuka dengan mana-mana pihak," katanya.

**ISU PPR  
LEMBAH  
SUBANG 1**